

20 FEB 1999

Mahathir-Harris

SAYA TAK SOKONG HARRIS, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau dan Barisan Nasional (BN) tidak menyokong bekas ketua menteri Sabah Datuk Harris Salleh dalam pilihan raya negeri yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Saya tidak menyokong Datuk Harris, saya berpendapat beliau bukanlah orang yang dapat diterima oleh BN...beliau di luar parti, beliau menubuhkan parti untuk menentang BN," kata Perdana Menteri pada persidangan berita di akhir lawatannya selama tiga hari ke Sabah.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata Bersekutu yang diketuai oleh Harris merupakan parti pembangkang dan "kita sekali-kali tidak dapat menerima sebuah parti pembangkang sebagai sebahagian daripada kerajaan."

Beliau diminta mengulas pertemuannya dengan Harris di Kuala Lumpur baru-baru ini yang diberi liputan luas oleh akhbar di Sabah.

Ketika ditanya mengenai perkara yang dibincangkan pada pertemuan itu, Dr Mahathir berkata : "Ada orang yang cadang supaya dia berjumpa dengan saya... okay la saya jumpa dia, dengar rungutannya. Dia menerangkan bahawa BN akan kalah dan dia akan menang, dan kerana itu, rakyat perlu sokong dia, dan saya harus sokong dia.

"Jika dia percaya kepada mimpi dan perkara seumpamanya, terpulanglah kepadanya...", katanya.

Kepada soalan sama ada Bersekutu yang diketuai seorang Muslim akan menarik pengundi daripada BN, Dr Mahathir : "Saya fikir orang Islam di sini sedar bahawa Bersekutu bukan mewakili Islam, dia cuma mewakili oportunis yang apabila ada pilihan raya, dia tubuh parti. Dulu, masa tak ada pilihan raya, dia tak ada tubuh parti pun."

Dr Mahathir juga berkata bahawa Parti Bersatu Sabah (PBS), parti pembangkang utama di Sabah, tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan Sabah sebaliknya hanya mahu membalas dendam.

"Kita tahu PBS ini bukan ada tujuan nak bangunkan Sabah, dia nak balas dendam...marah kat (pada) orang itu, kat orang ini dan berpolitik semata-mata kerana nak balas dendam," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan bahawa kesemua 21 bekas anggota Dewan Undangan Negeri parti itu yang keluar daripada PBS dan menyertai BN selepas pilihan raya negeri 1994, akan ditolak oleh rakyat pada pilihan raya negeri akan datang.

Dr Mahathir berkata: "Kita berpolitik untuk mendirikan kerajaan yang boleh berkhidmat kepada rakyat Sabah. Pendekatannya jauh berbeza (kerana) bagi mereka, ia satu perkara membabitkan dendam, dan tidak bagi kita. Kita punya tujuan nak bangunkan Sabah."

Dr Mahathir turut ditanya mengenai pendirian BN sekiranya ada anggota atau pemimpin berpaling tadah dan menyokong pembangkang menjelang pilihan raya negeri.

"Dia berpaling tadah kita tak boleh buat apa, tapi dia duduk luar (BN) la. Tak ada tempat bagi orang yang semacam ini dalam parti," katanya.

Katanya beliau yakin BN akan memenangi pilihan raya negeri yang akan datang ini berdasarkan sambutan yang diberi oleh rakyat Sabah terhadap parti itu.

"Prestasi kita baik... kalau kita banding keadaan ketika Umno mula-mula masuk ke Sabah, kita dapati budaya politik sudah berubah dan ketika ini kita nampak mereka lebih faham tentang apa itu BN, apa itu budaya BN dan apa tanggungjawab mereka untuk menjayakan BN."

Beliau berkata, kaum Kadazandusun juga mempunyai perwakilan yang cukup dalam kerajaan BN sekarang dan kerana itu, masyarakat Kadazandusun akan memberi sokongan kepada pemimpin mereka dalam BN sekarang.

Katanya, persiapan BN untuk menghadapi pilihan raya juga berjalan lancar manakala kesemua pemimpin parti komponen BN Sabah termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita BN juga telah memberikan komitmen masing-masing untuk mematuhi keputusan kepimpinan BN dan akan menyokong siapa juga calon yang dipilih.

Mengenai senarai calon BN, Dr Mahathir berkata ia belum diputuskan secara muktamad tetapi ini akan dilakukan sedikit masa lagi.

Ditanya adakah itu menunjukkan masih terdapat masalah dalam soal pembahagian kawasan yang akan ditandingi, beliau berkata secara amnya tiada masalah tetapi jika ada, beliau sendiri akan memberi kata putus.

-- BERNAMA

JS AU MAI